

Majlis Pelantikan Pasukan TeknoDidik dan Pelancaran Projek O.M.B.A.K. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2026



Labuan, 17 Mac 2026 – Majlis penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh Puan Hajah Aniza Binti Kamaruzzaman, Pengarah, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, sekali gus menandakan satu langkah signifikan dalam memperkukuh agenda transformasi digital pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis ini bukan sahaja menyaksikan pelantikan rasmi Pasukan TeknoDidik, malah turut diserikan dengan pelancaran Projek O.M.B.A.K. (Olahan Minda melalui Bimbingan AI dan Kreativiti) serta pengenalan rasmi maskot projek sebagai simbol identiti, kreativiti dan

semangat inovasi pendidikan.

Selari dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Malaysia dan Dasar Pendidikan Digital, inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan JPWPL dalam melahirkan warga pendidikan yang lebih celik teknologi, kreatif dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)

[#tahuninitahunkita](#)



















